

Program Jualan Rahmah rekod lebih 9 juta pengunjung tahun lalu

Mac 3, 2024 @ 5:42pm



(Gambar fail) Foto hiasan

MARAN: Seramai 9.2 juta pengunjung direkodkan pada 6,870 Program Jualan Rahmah (PJR) yang diadakan di seluruh negara, tahun lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata pelaksanaan program itu membabitkan 222 kawasan Parlimen serta 600 Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Daripada jumlah program itu, sebanyak 3,053 adalah PJR di dalam premis, 685 PJR di luar premis dan 3,132 lagi PJR bergerak.

"Tahun ini, kita menyasar untuk mengadakan PJR secara berterusan dengan minimum dua kali sebulan bagi setiap kawasan Parlimen. Bagaimanapun, tidak mustahil lebih daripada dua kali jika sambutan menggalakkan," katanya kepada media

pada Karnival Jualan Rahmah Madani Pahang di Dataran Anjung Pusat Bandar Jengka, di sini, hari ini.

Seterusnya, Fuziah berkata, PJR tahun ini turut dimeriahkan dengan Jualan Rahmah 'Back To School' dari 2 hingga 3 Mac di setiap kawasan Parlimen seluruh negara, yang menawarkan kelengkapan persekolahan pada harga 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding dalam pasaran.

Bagi Pahang, beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri telah mengadakan 486 PJR di semua kawasan Parlimen dan DUN, membabitkan 230 program di dalam premis, di luar premis (29) dan bergerak (227) pada tahun lepas.

"Sepanjang tempoh 1 Januari hingga 29 Februari lalu pula, sebanyak 56 PJR telah diadakan, iaitu 16 di dalam premis dan 40 bergerak," katanya. – BERNAMA